

# Info PINTAR

## HARI MESRA PTAR



### HARI MESRA PTAR BERSAMA FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN 2009

Hari Mesra PTAR Bersama Fakulti Pengurusan Perniagaan telah diadakan pada 26 dan 27 Mac 2009 di Ruang Legar PTAR 2. Objektif Hari Mesra PTAR ini diadakan

adalah untuk mempromosikan perkhidmatan yang disediakan oleh PTAR di samping membuka peluang merapatkan lagi hubungan dan kerjasama di antara PTAR dan Fakulti Pengurusan Perniagaan.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi memeriahkan program seperti:

- Pemilihan buku bersama pembekal
- Klinik Kemahiran Maklumat bersama Pustakawan PTAR
- Kelas Kemahiran Maklumat
- Khidmat nasihat dan rujukan
- Demo Pangkalan Data Bersama Vendor
- Khidmat nasihat sokongan penyelidikan
- Pemeriksaan kesihatan secara percuma

Program ini telah mendapat sambutan yang baik oleh pihak Fakulti Pengurusan Perniagaan. Pengunjung-pengunjung program ini telah berpeluang memenangi 'hadiah pengunjung bertuah' di mana hadiah-hadiah ini telah disampaikan oleh Ketua Pustakawan iaitu Tuan Hj. Haron Wee Ah Boo semasa Majlis Perasmian Pameran Fotografi.



# DARI MEJA KETUA PUSTAKAWAN

**“Sentiasa Berusaha  
Untuk Memberi  
Perkhidmatan Berkualiti””**



Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bertemu dalam Buletin Info Pintar Bilangan 1/2009. Selamat melangkah ke tahun 2009 dengan harapan budaya kualiti dapat dipertingkatkan lagi demi memperoleh kejayaan yang lebih cemerlang di masa akan datang.

Tahun 2009 telah menunjukkan satu permulaan yang baik apabila PTAR telah berjaya memperolehi kejayaan demi kejayaan dalam bidang Inovasi, Kualiti serta perkhidmatan. Pengiktirafan tertinggi PTAR setakat ini adalah dalam bidang Inovasi iaitu 1 pingat EMAS dan 1 pingat GANGSA dari Geneva, Switzerland serta 1 pingat EMAS dari Seoul, Korea. Kejayaan ini telah membuktikan PTAR bukan sahaja berupaya untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti tetapi juga mampu menghasilkan idea-idea baru serta produk-produk yang berinovasi. Pada setiap tahun, beberapa kumpulan KIK telah ditubuhkan bagi memberi peluang kepada Warga PTAR untuk menunjukkan kreativiti serta idea masing-masing di dalam menyelesaikan permasalahan Jabatan melalui pelbagai proses penambahbaikan.

Seterusnya, PTAR sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan cemerlang kepada seluruh Warga UiTM di dalam memenuhi visi serta misi UiTM kearah IERU menjelang tahun 2010.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengurusan UiTM serta seluruh warga PTAR diatas usaha serta kerjasama yang telah diberikan selama ini. Tagline “PTAR @ Your Service” membuktikan bahawa PTAR sentiasa bersedia untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti serta unggul kepada para pelanggan.

Sekian, terima kasih.



# LAWATAN PELAJAR KOREA

Perpustakaan Tun Abdul Razak

2 Feb 2009



# PERSIJILAN SEMULA

## Bengkel Persijilan Semula ISO 9001: 2008 PUI™



Perpustakaan Tun Abdul Razak dengan  
kerjasama Jabatan Pembangunan  
Sumber Manusia (JPbSM)

**13 Jan 2009**  
**(INTEKMA RESORT)**

Meningkatkan kefahaman mengenai Persijilan  
ISO versi 2008.

Mengetahui perbezaan-perbezaan antara ISO  
9001: 2000 dengan versi 2008.

Membuat persediaan yang diperlukan bagi  
memenuhi keperluan Persijilan Semula ISO  
PUI™



# LAWATAN TAN SRI VC ke Perpustakaan Tun Abdul Razak 03 Mar 2009

## LAWATAN TAN SRI DATO' SERI NAIB CANSELOR UiTM KE PAMERAN HASIL PENCAPAIAN PROJEK KIK PTAR PADA BULAN MAC 2009.

Pada 3 Mac 2009 Tan Sri Dato' Seri Naib Canselor UiTM sempat melawat ke pameran hasil pencapaian projek Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR).

Beberapa projek yang telah mengharumkan nama PTAR dan UiTM oleh beberapa Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) PTAR melalui pencapaian memenangi beberapa anugerah didalam Konvensyen KIK UiTM, mahupun di peringkat Perpustakaan Semalaysia, IPTA dan juga Konvensyen KIK MPC Wilayah serta Kebangsaan telah di pameran.

Selain dari itu yang lebih membanggakan lagi, projek-projek Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) yang ahlinya terdiri dari kalangan staf Perpustakaan bukan saja mendapat pengiktirafan didalam Konvensyen KIK malah ia juga diiktiraf di pameran teknologi didalam dan di luar Negara.

Pada 19-21 Feb 2009 di Malaysia Technology Expo (MTE) PWTC yang lalu Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) eWave dengan Tajuk Projek: LIBRARY AUTOMATED SELF-CHARGING MACHINE telah menerima anugerah Pingat EMAS dan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) MySMART - Tajuk Projek: MySMART PORTABLE LOCKER telah menerima anugerah Pingat PERAK. Expo tersebut telah disenarai oleh 460 peserta/ kumpulan daripada pelbagai IPTA, badan swasta, MRSM dan lain-lain organisasi.

Pencapaian diperingkat antarabangsa pula bermula pada tahun 2008 apabila Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) SMART terpilih mewakili UiTM ke The 36th International Exhibition of Inventions, New Techniques and Products 2008. Di Geneva,

Switzerland pada 2-6 April 2008 dan telah menerima pingat GANGSA.

Kejayaan tersebut disusuli oleh Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) eWAVE dengan Projek CLIS-Computer Lab Information System, telah mewakili UiTM ke Pertandingan Seoul, Korea yang disertai 34 negara dan Projek eWAVE telah dianugerahkan Pingat EMAS sekaligus mengharumkan nama Perpustakaan dan UiTM.



# SELANGKAH KE UiTM

Jabatan Komunikasi Korporat UiTM telah menjemput PTAR untuk turut serta didalam EKSPLO SELANGKAH KE UiTM 2009 pada 14 & 15 Mac 2009 bertempat di Stadium Melawati, Seksyen 13, Shah Alam. Sehubungan dengan itu, PTAR telah menjemput pihak Utusan Publications & Distributions untuk mengadakan Pameran serta Penjualan Buku (Judul Umum seperti novel, buku motivasi, buku masakan dan lain-lain) di Booth bersebelahan dengan pihak PTAR. Selain daripada itu, pelbagai promosi serta informasi perkhidmatan PTAR turut diadakan bagi memberi pendedahan kepada pengunjung-pengunjung ekspo mengenai PTAR.

## SELANGKAH KE UiTM

Perpustakaan Tun Abdul Razak  
14-15 Mac 2009





# Pameran Puncak Perdana "Air Mata di Bumi Palestin"

Perpustakaan Tun Abdul Razak

17 Mar 2009



# BERITA

# BERGAMBAR



Lawatan dari Jabatan  
Perkhidmatan Awam  
23 Feb  
**2009**



Lawatan Pelawat Antarabangsa  
dari Indonesia- UNIVERSITAS GUNADARMA  
JAKARTA  
25 Feb 2009



Lawatan Pelajar-pelajar Antarabangsa  
23 Feb 2009

